



## Kolej Reid Kerr

### *Selamat Datang ke Kolej Reid Kerr.*

Kolej Reid Kerr adalah sebuah Kolej bertaraf dunia yang terletak di Paisley, Scotland. Sebuah kolej premier yang paling pesat berkembang di Scotland, kami adalah peneraju dalam bidang pendidikan dan pembelajaran. Memiliki kampus yang dilengkapi kemudahan serba moden dan suasana pembelajaran bertaraf dunia, Kolej ini menawarkan kursus dalam pelbagai bidang termasuk:

- Perniagaan & Pengurusan
- Komputer & Edagang
- Komunikasi, Kemanusiaan & Bahasa
- Pembangunan Komuniti
- Pembinaan & Alam Bina
- Seni Kreatif
- Kejuruteraan
- Hospitaliti & Katering
- Dandan Rambut & Kecantikan
- Kesihatan & Penjagaan
- Libur & Pelancongan
- Sukan
- Sokongan Pembelajaran

Kursus-kursus ini ditawarkan secara sepenuh masa, sambil, kelas waktu siang atau malam serta pendidikan jarak jauh dan merangkumi pelbagai tahap kelayakan daripada NC, Highers, HNC dan HND hingga kelayakan profesional.

Kolej ini membuka peluang pendidikan kepada lebih daripada 20,000 pelajar yang terdiri daripada warga tempatan dan pelajar antarabangsa. Pelbagai jenis program juga ditawarkan di kemudahan komuniti di kawasan sekitar.

Reid Kerr juga menyediakan kursus latihan dan pembangunan kakitangan yang disuaikan untuk memenuhi keperluan perniagaan dan perdagangan. Dengan jalinan kerjasama organisasi tempatan, dalam negara dan antarabangsa, Kolej ini membantu syarikat dalam pembangunan dan pertumbuhan perniagaan mereka. Semua program kami disusun berpandukan nasihat dan bimbingan pakar akademik dan profesional industri untuk memastikan program kami relevan dalam dunia pekerjaan hari ini.

Kami bekerjasama dengan beberapa organisasi multinasional dan antarabangsa untuk menyediakan Program Pembangunan Profesional (Professional Development Programmes) yang khusus direka bentuk untuk memenuhi matlamat perniagaan mereka. Program ini dijalankan di premis pilihan syarikat tersebut, sama ada di negara asal syarikat atau di kampus kami di Scotland.

## Penyataan Misi

Misi Kolej adalah untuk memenuhi keperluan pendidikan seumur hidup, pendidikan dan latihan dalam komuniti dan menyediakan akses pendidikan kepada semua lapisan masyarakat, sambil memberikan perkhidmatan yang bermutu tinggi kepada pelajar kami.

## Kampus Kolej Reid Kerr

Reid Kerr komited dalam menyediakan persekitaran pembelajaran yang bertaraf dunia untuk semua pelajar, kakitangan dan anggota masyarakat. Kampus Kolej ini semakin berkembang dengan pembukaan sebuah bangunan baru iaitu Bangunan Renfrew North (Renfrew North Building). Bangunan ini dilengkapi dengan kemudahan pendidikan seni yang serba canggih dan moden. Merupakan satu lagi mercu penting di Kampus Reid Kerr, ia juga mampu meningkatkan perkhidmatan untuk mempelbagaikan pengalaman para pelajar Reid Kerr.

Pembangunan dan pengubahsuaian Kampus Kolej meliputi pengubahsuaian Bangunan Abercorn yang menempatkan kemudahan persidangan dan perpustakaan. Jabatan Seni Kreatif (Creative Arts Department) kini terletak di Mile End Mill yang menempatkan sebuah teater, studio fotografi, seni dan rakaman selain pelbagai kemudahan pembelajaran khas. Pusat Sukan Renfrew (Renfrew Sports Centre) merupakan sebuah Pusat Sukan pelbagai dan ia menempatkan bilik seminar yang khusus untuk bahagian Sukan di samping gimnasium yang serba lengkap dan kemudahan sukan.

Reid Kerr komited dalam menyediakan kemudahan yang sesuai dengan abad ke 21 dan akan sentiasa berusaha untuk terus membangunkan Kampus Kolej.

## Perspektif Antarabangsa

Reid Kerr mengalu-alukan permohonan daripada pelajar antarabangsa. Warga Kolej kini terdiri daripada pelajar yang datang dari seluruh pelusuk dunia. Pelajar antarabangsa merupakan entiti penting komuniti Kolej yang memberikan ciri dan kepelbagaian yang unik dalam suasana pembelajaran di Reid Kerr.

Kolej Reid Kerr adalah sebuah Kolej bantuan kerajaan yang mempunyai reputasi antarabangsa hasil kecemerlangan kursus yang ditawarkan dan pencapaian para pelajarnya. Pelajar yang mengikuti kursus di Kolej ini merupakan sebahagian daripada pelajar antarabangsa yang datang dari Eropah, Afrika, India, Malaysia, China, AS, Pakistan dan Jepun.

Kami menawarkan pendidikan dan latihan di semua peringkat, dari kursus asas hingga program HNC/HND serta peluang sama rata untuk memiliki ijazah dan pasca ijazah. Di Reid Kerr kami mempunyai beberapa sistem sokongan dan pasukan yang penuh dedikasi untuk membantu Pelajar Antarabangsa dan memastikan yang anda akan tinggal di sini dalam suasana yang menyeronokkan dan ceria.

## Perkhidmatan Pertukaran Kakitangan

Dengan sokongan Suruhanjaya Eropah dan agensi Bantuan Antarabangsa, kolej ini mempunyai beberapa jalinan kerjasama antarabangsa untuk menggalakkan: -

- Pertukaran Budaya
- Pembangunan Kurikulum

- Pembangunan Kakitangan
- Perkhidmatan Kerjasama/Perundingan
- Penyelidikan

### **Aktiviti Pembinaan Kapasiti**

Kolej ini mempunyai kerjasama dengan Institusi Pendidikan Tinggi dan agensi Kerajaan untuk bersama-sama membangunkan infrastruktur pendidikan di negara sekutu melalui kerjasama, pembangunan kakitangan dan penerokaan kaedah penajaan dana yang baru.

## **Scotland & Paisley**

Bercirikan masyarakat majmuk yang berjumlah 5 juta orang dan merupakan antara lokasi pelancongan yang tercantik di dunia, Scotland menawarkan pelbagai tarikan kepada dunia.

Sebuah negara yang kaya dengan tradisi dan budaya serta kota cosmopolitan yang pesat membangun, lanskap yang cukup indah pasti membuat anda terpujau dan dapat menikmati pengalaman yang cukup unik dari bumi Scotland ini.

Negara Scotland moden ini dihuni rakyat yang mempunyai perspektif antarabangsa dan reputasi global untuk mencapai kecemerlangan dalam pendidikan. Dengan ekonomi yang pesat berkembang dan pelbagai industri dan sumber tenaga fleksibel yang berkemahiran tinggi, Scotland menawarkan kualiti kehidupan yang diidamkan.

Kolej Reid Kerr terletak di tengah-tengah Bandar Paisley di Scotland. Lokasinya juga strategik di pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Glasgow (Glasgow International Airport) dan jalan raya utama dan rangkaian keretapi Glasgow.

Paisley terkenal dengan sejarah tekstilnya, pola Paisley dan warisan hasil tenun. Ia juga merupakan sebuah komuniti yang dinamik dan pesat membangun berlatarkan kedudukan ekonomi yang mantap. Populasi yang kian meningkat dan prospek pekerjaan yang positif memacu komuniti perdagangan dan penduduknya.

Dengan daya tarikan yang unik dan aktiviti pelancongan yang menyeronokkan, Paisley mampu memenuhi cita rasa setiap individu. Sukan pelbagai jenis dan aktiviti rekreasi yang menarik disediakan di bandar ini. Kemudahan dan pusat membeli belah yang banyak dan tarikan budaya menjanjikan pengalaman yang sukar dilupakan, Paisley serta bandar-bandar berhampiran juga menyajikan hiburan yang sangat menarik.

Kedudukan Paisley yang tidak jauh dari Glasgow dan kawasan pinggir bandar yang menjanjikan keindahan semulajadi adalah lokasi yang ideal untuk meneroka dan menimba pengalaman dan menyelami keunikan Scotland.

*Kami mengalu-alukan kedatangan anda ke Scotland dan Kolej Reid Kerr.*

**Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai Kolej Reid Kerr, sila hubungi:**

**E-mel: [sservices@reidkerr.ac.uk](mailto:sservices@reidkerr.ac.uk)**

**[www.reidkerr.ac.uk](http://www.reidkerr.ac.uk)**

**Tel: +44 (0) 141 581 2222**

**Reid Kerr College, Renfrew Road, Paisley, PA3 4DR, Scotland**